

# Yang Indah Itu Bahasa

Sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak

## Tuak Gawai

Oleh Frankie Latit

I

Pada pandangan mata, sekujur tubuh yang terbaring di depan dia dengan beralaskan sehelai tikar *bemban* kelihatan jelas dalam kesulitan. Dari dada yang berombak tanpa ritma yang tetap sehingga ke batuk yang kerap tersekat di halkum adalah bukti yang sukar disangkal tentang keadaan kesihatan insan tersebut.

"Ini pasti terkena buatan orang."

Penerangan Manang Umba tambah membincungkan dia yang bersimpul di sebelah Manang Umba. Dia merenung lama-lama wajah insan yang semakin lemah itu. Kulit dan mata insan tersebut yang kelihatan kekuningan amat menyakitkan pandangan mata.

Dia sangat mengenalnya. Kulitnya tidak pernah seperti sedemikian walaupun sering dibakar cahaya sang mentari. Fizikalnya juga tidak pernah menjadi lemah sebegitu. Sedangkan tulang empat kerat insan tersebut sering menjadi buah mulut kerana mampu dibanting dari pagi sehingga ke senja.

Namun, dia menyedari bahawa insan tersebut agak bijak menyembunyikan bebanan yang bergayut dikeringat. Ini pasti kerana insan tersebut telah memilih minum ubat setiap kali kembali dari tempat kerja. Saban hari dia melihatnya berbuat sedemikian.

"Penyakit ini sudah merebak ke seluruh organ dalamannya. Tanda awalnya perut semakin memboyot," jelas Manang Umba.

Hari itu, dia terkesima. Deretan botol-botol ubat yang terpacak di tepi dinding selain yang telah dibuang sepertiya bukan lagi nurbisa yang perlu dibanggakan.

II

"Apai ..."

Tuai Rumah Berujan mengilas. Cepat-cepat dia menyeka air yang mengalir panas di pipinya. Seulas senyum manis dilemparkan menghadap Damu yang sudah berdiri di belakangnya.

"Dariel." Seseorang yang menghulurkan tangan lalu disambut Tuai Rumah Berujan.

"Kawan sama pengajian," jelas Damu tanpa diminta.

Tuai Rumah Berujan tersenyum kembali. Kepulangan anak tunggalnya yang sudah lama berkelana di luar negara untuk mencari ilmu benar-benar menggembirakan.

"Masuklah ke bilik," pelawa Tuai Rumah

Berujan.

Damu dan Dariel lalu melangkah ke ruai sebelum hilang ditelan pintu bilik. Sedang Tuai Rumah Berujan yang masih mamai oleh kepulangan seorang anak tanpa diduga selain diusap kenangan lampau memilih untuk terus duduk di kerusi rotan di beranda. Dia masih ingin membelak-belek halaman ingatannya. Apatah lagi, sejak memutuskan untuk kembali ke rumah panjang selepas bersara, tanggungjawabnya kian bertambah.

"Apakah perancangan Tuai bagi menyambut pesta Gawai Dayak tahun ini?" pertanyaan dari Mandar Umpang mengusap kembali gegendang telinga.

Ketika itu, Tuai Rumah Berujan sedang meneliti wajah setiap penghuni rumah panjang satu-persatu. Dia ingin memastikan setiap penghuni menghadiri randau ruai yang diadakan malam itu. Randau ruai bagi mengatur program sambutan pesta Gawai Dayak yang julung kali dipengerusikannya.

"Kita adakan program seperti tahun-tahun sebelumnya," cadang Aya Jerunai tanpa diminta.

Tuai Rumah Berujan mengilas. Senyumannya mekar memperhatikan wajah Aya Jerunai yang tertunduk sewaktu pandangan mereka bertemu.

"Cadangan yang baik. Tetapi lebih elok jika kita melakukan sedikit perubahan," jelas Tuai Rumah Berujan.

Suasana kembali menyepi. Masing-masing kelihatan berpandangan antara satu sama lain. Memungkinkan masing-masing cuba meneka cadangan yang menjentik benak Tuai Rumah Berujan.

"Aku setuju saja, Tuai. Janji dapat *palau*," tokoh Aya Jerunai lagi. Kali ini disambut dengan deraian ketawa daripada penghuni rumah panjang yang memenuhi ruai Tuai Rumah Berujan.

Tuai Rumah Berujan membisu seketika. Wajah Aya Jerunai cuba ditelitinya. Seingatnya, di rumah panjang Kubal Bangat, Aya Jerunai memang terkenal dengan tabiatnya yang suka *palau*. Bahkan, dia sering menjadi bahan ketawa apabila mulai hilang tahap kesedaran di bawah pengaruh air itu.

Bukan itu sahaja, Aya Jerunai juga sering berseloroh dengan Tuai Rumah Berujan setiap kali Tuai Rumah Berujan kembali ke rumah panjang. "Jika aku nak *ngabang* air kopi, aku tidak akan datang menjengukmu."

"Aya, air kopi pun jadilah," pujuk Tuai Rumah

Berujan. "Kamu tidak seperti ayahmu," jelas Aya Jerunai pula.

Tuai Rumah Berujan hanya mengeluh. Setiap kali teringatkan air yang tersimpan di dalam botol-botol itu, hatinya benar-benar hancur. Lebih memeritkannya, dia membesar tanpa kehadiran seorang ayah yang telah menyimpan air di dalam botol-botol itu.

"Aya, gaji seorang pegawai kerajaan tidak mampu untuk membelinya," seloroh Tuai Rumah Berujan.

"Seorang *dresser* memang akan mengatakan ia tidak baik untuk kesihatan," Aya Jerunai masih tidak mahu mengalah. Dia seperti mengungkit-ungkit kembali nasihat yang pernah diberikan oleh Tuai Rumah Berujan.

"Tidak cukupkah kematian ayah dijadikan teladan?" Tuai Rumah Berujan berusaha memujuk. "Semua orang tahu bahawa ayahmu meninggal kerana perasaan hasad dengki seseorang," jelas Aya Jerunai.

Tuai Rumah Berujan tidak menjawab. Dia pasrah memikirkan pandangan penduduk setempat mengenai kematian ayahnya. Walhal, bagi Tuai Rumah Berujan, ayahnya meninggal dunia disebabkan oleh kerosakan hati. Ia dikenali sebagai *Alcoholic Liver Disease* dalam bidang perubatan. Tuai Rumah Berujan sudah pasti masih mengingati tanda-tanda yang dilihat pada sekujur tubuh ayahnya sebelum menghembuskan nafas yang terakhir.

"Walau bagaimanapun, pesta Gawai Dayak tahun ini seharusnya lebih meriah daripada kebiasaan." Itu kata putus daripada Tuai Rumah Berujan sebelum menamatkan randau ruai malam itu.

III

Malam semakin terkesot-kesot meninggalkan siang. Paluan gendang mulai kedengaran. Di ruai, penghuni rumah panjang Kubal Bangat semakin bersemangat menyertai program pesta Gawai Dayak yang sedikit berlainan dari tahun-tahun sebelumnya.

Antara penghuni yang hadir, Tuai Rumah Berujan kelihatan tersenyum lebar. *Baju burung* yang digunakannya kelihatan agak sesuai dengan penampilannya. Begitu juga dengan penghuni rumah panjang yang lain. Saranan yang diberikan seperti telah diterima. Malah, anak-anak muda yang lebih memilih untuk menggayakan pakaian yang tidak sesuai dengan keadaan sebelum ini turut menerima seadanya.

"Tuai, jam sudah hampir pukul 12 tengah malam," Ingat Mandar Umpang kepada Tuai Rumah Berujan.

Tuai Rumah Berujan memandang jam di dinding. Masa berlalu agak pantas. Maklumlah, program pesta Gawai Dayak mendapat sambutan yang hangat daripada semua lapisan usia. Walhal, semasa randau ruai tempoh hari, ramai yang keliru. Paling tidak keruan ialah Aya Jerunai.

"Ini program Gawai atau program *funfair*, Tuai?" seloroh Aya Jerunai ketika itu.

Tuai Rumah Berujan tersenyum tawar. Dia

sedar, ia adalah cabaran terbesar untuknya. Minda masyarakat setempat perlu dianjak sedikit demi sedikit. Pesta Gawai Dayak bagi orang seperti Aya Jerunai adalah pesta untuk *palau* sahaja.

"Aku bercadang mengadakan program sebegini hanya sekali dalam dua tahun," jelas Tuai Rumah Berujan apabila suasana mulai gamat. Maklum, masing-masing yang hadir sudah mula membuka mulut.

"Selamatlah duit harga tanah Aya Jerunai," celah salah seorang penghuni yang hadir. Ia mencetuskan kembali deraian ketawa hampir kesemua penghuni termasuk Tuai Rumah Berujan.

"Seelok-eloknya Aya Jerunai simpan duit berkenaan di dalam bank." Tingkah Tuai Rumah Berujan setelah keadaan reda seketika.

Ketika itu juga Tuai Rumah Berujan melihat Aya Jerunai tersenyum simpul. Asap rokok kelihatan sengaja dihembusnya perlahan-lahan ke udara. Memungkin mindanya juga turut berterbangan bersama-sama asap rokok itu bagi mengingatkannya sebelum ini.

"Mana Aya Jerunai?" kata Tuai Rumah Berujan yang tiba-tiba teringatkan tentang Aya Jerunai. Dari tadi dia tidak melihat kelibat orang tua itu.

"Sudah *palau* agaknya, Tuai. Aku melihat dia minum bersama-sama Damu dan kawannya di hujung bilik," celah Mandar Umpang.

"Rasanya Aya Jerunai mengelakkan diri kerana takut kita minta dibelanja," tokoh yang lain sambil ketawa.

Tuai Rumah Berujan hanya tersenyum. Dia tahu bahawa Aya Jerunai menjulang tanah kerana ingin membantu anaknya. Tuai Rumah Berujan memang pasti kerana Aya Jerunai sendiri menyatakannya. Ketika itu, Aya Jerunai mengaku ingin meminjam wang daripada Tuai Rumah Berujan yang kononnya untuk membeli mesin pemotong rumput oleh anaknya yang belum mengirinkan wang.

Setelah didesak oleh Tuai Rumah Berujan, akhirnya Aya Jerunai mengaku bahawa dia sebenarnya hendak membantu membayar ansuran bulanan rumah anaknya yang sudah lama tertunggak.

"Dia sedih kerana tahun ini anaknya tidak dapat bersama-samanya *palau* dalam merayakan pesta Gawai Dayak," jelas Tuai Rumah Berujan seraya bangkit dari tempat duduk. Tepat pukul 12 malam, acara *ngirup ai pengayu* akan diadakan secara serentak di ruai.

"Tuai ... Tuai ..."

Semua penghuni mengilas. Kelibat Aya Jerunai yang kelihatan tergepoh-gapah menarik perhatian mereka. Di belakangnya, Damu kelihatan tidak bermaya. Mukanya pucat. Bibirnya kelihatan berbuih-buih.

"Damu memuntahkan darah," jelas Aya Jerunai yang turut kelihatan pucat-lesi. "Jangan-jangan Damu terkena racun?" celah beberapa suara sambil melemparkan pandangan menghadap Aya Jerunai.

Tuai Rumah Berujan yang terkejut cepat-cepat mendapatkan Damu. Ini diikuti juga oleh beberapa penghuni lelaki lain yang mulai berkerumun di

sekelilingnya.

"Uweik ..."

Muntah kehijauan bercampur darah terkeluar lagi dari mulut Damu. Masing-masing tergumam. Mata mereka tumpah ke arah Tuai Rumah Berujan yang kelihatan masih tenang memeriksa keadaan Damu.

"Apakah yang kamu minum?" akhirnya Tuai Rumah Berujan membuka suara. Dariel yang seperti mengerti lalu menyerahkan sebotol *ai tuak* kepada Tuai.

Rumah Berujan. Kemudian disusuli pula sebotol lagi minuman yang dibawanya

Bersama-sama.

IV

Nyadi tu ai ti ulih nengkadah takang bintang tiga, ulih bechuan ka tandan bulan purnama.

Tu ai terutu ambun engkenyang jera, ai tangkai leka sesangga.

*Kena tuchi Dara nang i enggau raga chukup bansa, kena pelam Dara ganggam chukup malam abis maia. Endang ka chunta anak mensia, awakka gaw guru nguan menua, ngiri pengawa nginang pemansang.*

Tepukan gemuruh memecahkan keheningan malam. Suara Tuai Rumah Berujan yang bertalutalut memantak telinga seakan-akan memukau mereka. Tanpa berfikir panjang, segelas *ai tuak* yang dijulang ke udara secara beramai-ramai lalu diradak sepuas-puasnya.

Enti ai beer, brandy tauka vodka, *nya ka tau bebali nyadi dadah ngasuh gila, tau ngasuh pala luga-luga enda nemu bekira, tau ngasuh jari berani mantaika senyata, tau mega ngasuh begadai reta tengkira, bansa enggau menua.*

Kali ini, Tuai Rumah Berujan menjulang sebotol minuman ke udara. Minuman yang telah dibawa oleh Dariel. Airnya yang kemerahan kelihatan berbaki sedikit sahaja di dalam botol.

Di celahan penghuni yang hadir, Dariel kelihatan paling gembira. Dia tidak putus-putus bertepuk tangan. Jelas di pandangan matanya, minuman itu mendapat sambutan yang menggalakkan di salah sebuah negara bekas jajahan moyangnya. Ini menyebabkan dia semakin dirasuk. Tanpa segan-silu dia lalu bangkit dan menari-nari di depan khalayak ramai. Sebelum tertunduk langsung terbaring. *Ai tuak* dirasakannya kini benar-benar melele-masaknya!

Tuai Rumah Berujan duduk kembali di sebelah Damu. Wajah Damu yang awalnya kelihatan pucat mulai kemerahan. *Normal Saline 0.9%* yang dimasukkannya ke badan Damu sudah menunjukkan kesan. Ia sengaja diminta daripada seorang *dresser* yang baru-baru ini telah melakukan lawatan penjagaan kesihatan primer ke rumah panjang mereka.

Di sebelahnya, Aya Jerunai masih gugup. Dia risau Tuai Rumah Berujan menyangkanya yang meracuni anak tunggalnya itu. Apatah lagi, waktu dahulu, dia dan ayahnya ialah teman setia ayah Tuai Rumah Berujan sewaktu meminum air

yang sama.

"Aya, *ai tuak* yang kalian minum petang tadi adalah *tuak gawai*. Yakni, *ai pengayu* yang kita ruai sebentar tadi." Terang Tuai Rumah Berujan setelah meneliti keresahan yang terpancar di wajah Aya Jerunai.

"Ini yang membunuh!" tegas Tuai Rumah Berujan sambil menghulurkan sebotol air yang disimpannya sejak tadi.

"Ja ... Jadi Tuai tidak berprasangka buruk kepadaku?" Aya Jerunai semakin gagap. Wajah Tuai Rumah Berujan yang kelihatan tenang benar-benar mencamuk dadanya.

"Araklah yang menjadi racun dalam masyarakat kita." Jelas Tuai Rumah Berujan lagi.

Aya Jerunai semakin tertunduk. Hatinya berce-laru. Keresahannya kian memuncak sewaktu mengingatkan dirinya juga sering memuntahkan darah tetapi sengaja tidak dihebohkannya.

"Pesta Gawai Dayak bukan terletak pada arak import yang mahal-mahal atau pada *ai langkau* yang

jernih itu. Letaknya pada budaya itu sendiri yang tidak ternilai harganya."

Penjelasan daripada Tuai Rumah Berujan menyebabkan Aya Jerunai semakin terhimpit. Dia terbayang-bayang deretan botol-botol kaca yang telah kosong isinya yang masih disimpan hasil pemberian seorang anak.

"Ingat sebelum terlambat! Banyak lagi aktiviti kebudayaan yang perlu disertai semasa pesta Gawai Dayak pada tahun-tahun mendatang." Tuai Rumah Berujan kembali mengingatkan keduanya.

"Selamat Gawai Dayak," ucap Tuai Rumah Berujan pula sebelum bangkit dari simpuh bagi meninggalkan Damu dan Aya Jerunai yang masih teringa-inga. Di ruai, *tabuh ngajat* semakin rancak membadaikan malam yang kian rapuh dihimpit siang benar-benar membangkitkan keazamannya lagi.

Glossari

- Palau – mabuk
- Dresser – Penolong Pegawai Perubatan

### PERADUAN PENULISAN SEMULA RAKYAT SARAWAK 2013 (KATEGORI CERITA TELADAN)

Anjuran  
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak

- Penyertaan terbuka kepada semua golongan masyarakat di negeri Sarawak.
- Cerita yang disampaikan mestilah cerita yang pernah wujud dalam masyarakat atau etnik yang berkenaan dan **bukan cerita yang** direka-reka mengikut imaginasi penulis. **Keutamaan** akan diberikan kepada cerita-cerita yang **mempunyai informan atau tukang cerita** yang khusus.
- Cerita hendaklah ditulis dengan memberikan keutamaan kepada mutu penyampaian (jalan cerita yang lancar, teratur dan menarik) dan gaya bahasa yang lancar.
- Panjang setiap cerita hendaklah **tidak kurang** daripada lapan (8) halaman.
- Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu (1) cerita tetapi maksimum hanya tiga (3) layak dipertimbang untuk memenangi hadiah yang disediakan.
- Semua cerita yang dihantar untuk menyertai peraduan ini **tidak akan** dikembalikan. Peserta dinasihatkan untuk menyimpan salinannya.
- Keputusan panel penilai dan urus setia adalah muktamad.
- Setiap penyertaan yang diterima layak untuk menerima sijil penyertaan sebagai tanda penghargaan penganjur kepada penulis.
- Semua cerita yang dihantar kepada pihak penganjur **mestilah** dalam bentuk **salinan digital (CD)** dan **salinan cetak**
- Borang penyertaan boleh didapati di Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak atau laman web Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tarikh tutup penyertaan **30 Jun 2013**

#### Hadiah

|                      |                          |
|----------------------|--------------------------|
| Pertama              | : RM1,500.00             |
| Kedua                | : RM1,200.00             |
| Ketiga               | : RM800.00               |
| 5 Sagu Hati          | : 350.00 setiap satu     |
| 20 Hadiah Penyertaan | : RM50.00 berserta sijil |

Urus Setia,  
Peraduan Penulisan Semula Cerita Rakyat Sarawak 2013,  
Unit Penyelidikan dan Pembinaan Sastera,  
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak,  
Peti Surat 1390,  
93728 KUCHING.  
u.p.: Encik Abdul Rasid Haji Subet/  
Encik Mohamad Shafiq Rohaizad Buyong  
atau  
Tel: 082-444711 (308/319)  
Faks: 082-440260

E-Mel: rassid12@dbp.gov.my  
shafiq\_buyong.gov.my  
Laman Web: www.dbp.gov.my

### Peribahasa Melayu

**Sesat surut, terlangkah kembali.**

**Maksud:**  
*Memperbaiki kesalahan yang telah dilakukan.*

**Ayat contoh:**  
*Pelajar yang sedar akan kesalahan yang dilakukannya itu cuba untuk memperbaikinya, bak kata pepatah sesat surut, terlangkah kembali.*

Sumber : Kamus Peribahasa Daya

### GAWAI DATANG LAGI

*Gawai datang lagi cerianya wajah-wajah tua dan muda dari jauh dan dekat tiba wangi tuak dan pansuh terasa sahut menyahut gong bergema miring adat tiada luntur ditelan masa Gawai datang lagi tiba masanya setiap rumpun curiga dan prasangka terhapus dengan jabat tangan mesra Gawai datang lagi cerianya wajah-wajah tua dan muda menyambut Gawai tiba.*

Yusuf Mustanir  
Kuching, Sarawak

